

116
Tajuk : Penempatan kaum Mendailing di Perak Selatan (Chikus)

Hubungan diantara Kehidupan Sosial, Senibina dan Perancangannya.

Kajian akhir ini (Final Studies) dihantar kepada Jabatan Senibina
Institut Teknologi MARA sebagai sebahagian daripada syarat untuk
mendapatkan Diploma Senibina.

Disediakan oleh :

TAJUL EDRUS B. NORDIN

Diploma Senibina Tahun Akhir

Institut Teknologi MARA

Shah Alam, Selangor.

84144048

Ini adalah disahkan bahawa Kajian Akhir ini telah dibaca dan disemak oleh :

.....
.....
.....
.....

En. Abdul Ghani Mohd. Desa Penyelia
Penyelaras

Saya berpuas hati dan bersetuju dengan sekop dan nilai Kajian Akhir ini
untuk penganugerahan Diploma Senibina Institut Teknologi MARA.

.....

Abdul Ghani Mohd. Desa
(Penyelia)

.....

(Penyelaras)

- 1.00 Pengenalan
 - 1.1. Pendahuluan.
 - 1.2. Objektif Kajian.
 - 1.3. Sekop Kajian.
 - 1.4. Metodologi Kajian.

- 2.00 Kaum Mendailing secara am
 - 2.1. Asal-usul Mendailing.
 - 2.2. Penempatan kaum Mendailing di Nusantara.
 - 2.3. Penghijrahan kaum Mendailing ke Tanah Melayu.
 - 2.4. Pengaruh, Peranan dan Matlamat suku kaum Mendailing.

- 3.00 Ciri-ciri Penempatan kaum Mendailing Secara am.
 - 3.1. Latar belakang dan Konsep kewujudannya.
 - 3.2. Aspek-aspek Perancangan, Sosial dan Komuniti.
 - 3.3. Ciri-ciri sehibina Mendailing secara am.

- 4.00 Penempatan kaum Mendailing di Perak Selatan
 - 4.1. Perancangan, Sosial dan Komuniti.
 - 4.2. Tatatur Perancangan Dalam Merekabentuk Komuniti.
 - 4.3. Aspek Pentadbiran dan Perkembangan.

- 5.00 Senibena kaum Mendailing di Perak Selatan
- 5.1. Ciri-ciri utama dalam senibena Mendailing tempatan.
 - 5.2. Contoh-contoh utama senibena Mendailing - unit-unit kediaman.
 - 5.3. Hubungan asas keperibadian senibena Mendailing dengan komuniti.
- 6.00 Kebudayaan, Adat Istiadat serta Kepercayaan kaum Mendailing Perak Selatan
- 6.1. Kebudayaan :
 - 1.1. Hubungan dalam kekeluargaan.
 - 1.2. Hubungan dalam komuniti.
 - 6.2. Adat-istiadat :
 - 1.1. Istiadat perkahwinan
 - 6.3. Kepercayaan :
 - 1.1. Istiadat memanggil semangat.
- 7.00 Perbandingan antara penempatan Mendailing Perak Selatan (Chikus) dengan Mendailing Indonesia
- 7.1. Dari aspek perancangan, sosial dan komuniti.
 - 7.2. Dari aspek senibena.
 - 7.3. Dari aspek adat istiadat dan kepercayaan.

Bab 1

SINOPSIS

PENEMPATAN KAUM MENDAILING DI PERAK SELATAN (BANDAR CHIKUS)

HUBUNGAN DI ANTARA KEHIDUPAN SOSIAL SENIBENA DAN

PERANCANGANNYA

1.1. Pendahuluan

Kajiselidik ini dibuat sebagai suatu proses pembelajaran dalam pengkhususan matapelajaran sejarah senibena. Ia merupakan suatu kajian ilmiah yang mengambil masa selama enam bulan.

Tajuk yang dipilih iaitu "Penempatan kaum Mendailing di Perak Selatan, khususnya bandar Chikus".

Ianya bukan sahaja menceritakan mengenai perancangan serta senibena perkampungan malah ia juga menyentuh aspek budaya dan sosial.

Kawasan Perak Selatan dipilih sebagai kawasan kajian walaupun tidak semua kaum Mendailing menetap disini namun ianya adalah kawasan yang paling terbanyak didalam Malaysia. Perak Selatan dimana ramai raja-raja daripada kaum Mendailing menjadi orang kuat diraja Perak. Dari ini ramailah suku sakat kaum ini tinggal disini.

Kehadiran kaum ini dalam masyarakat Perak tidak dititik beratkan sedangkan mereka juga merupakan salah satu kaum yang teramai di Perak.

Kewujudan mereka ini dilupakan begitu sahaja dan didapati bahawa sebilangan besar masyarakat Perak masih tidak memahami sosio-budaya dan perancangan komuniti suku kaum Mendailing.

Tercatat dalam sejarah Perak Selatan bahawa kaum Mendailing terlibat dalam salasih beraja negeri Perak. Penglibatan ini mungkin menyebabkan Perak Selatan menjadi penempatan kaum ini.

1.2. Objektif Kajian

Usaha serta minat yang ditunjukkan akan membawa kepada sesuatu yang berhasil. Melalui sumber-sumber yang dikumpulkan dengan daya usaha sendiri, kajian ini dapat dilakukan secara terperinci dan bahan-bahan bernas. Bagi mencapai matlamat ini pengajian melalui pengamatan dan penyelidikan dilakukan agar dapat memberi manifestasi serta kehendak yang dirancang.

Kajian ini akan merupakan rujukan kepada para pelajar dan juga orang awam sekiranya memerlukan pengetahuan mengenai suku kaum ini. Ciri-ciri kaum Mendailing tidak dihapuskan, malah akan sesuatu yang berharga kelak. Secara tidak langsung, pendedahan yang diberikan dapat memberi kehendak-kehendak pembelajaran dalam memahami identiti senibena kaum Mendailing. Dikalangan orang-orang Perak mereka juga dikenali sebagai 'orang mendatang'.

Persejaraan suku kaum ini telah diketopikan sekiranya dibandingkan dengan persejaraan suku kaum lain.

Ramai diantara generasi baru kaum Mendailing tidak mengambil sejarah nenek moyang mereka.

Oleh itu perlulah ada usaha untuk merekodkan ciri-ciri dan identitinya.

Senibena dan perancangan suku kaum mempunyai ciri-ciri yang tersendiri, rupa senibenanya, tatasusun perancangannya dalam suatu komuniti perlulah dikaji, diperbaiki jikalau perlu untuk menyesuaikan dengan keadaan masa tanpa menjejaskan identiti.

1.3. Sekop Kajian

Walaupun terdapat ramai kaum Mendailing di Pahang, Johor dan Perak, namun orang-orang Mendailing di Peraklah yang masih mengamalkan kebudayaan serta adat istiadat fahaman Mendailingnya. Daerah-daerah perkampungannya di Perak Selatan adalah Chikus, Tapah, Papan, Dinding dan sebagainya.

Secara keseluruhan kajian ini akan menitikberatkan tentang aspek-aspek persejaraan, konsep kewujudan perancangan penempatan, pengaruh senibena dan kehidupan sosial masyarakat Mendailing Khususnya Masyarakat Chikus.

Tanya juga akan menerangkan dengan lebih lanjut keadaan atau aspek-aspek senibena unit-unit kediaman suku kaum Mendailing di Perak Selatan ini. Ini termasuklah perancangan seniukir, dan unsur-unsur yang mempengaruhi nilai-nilai senibena tersebut.

Kajian ini meliputi konsep dan falsafah yang dipraktikkan oleh suku kaum tersebut didalam merekabentuk rumah-rumah mereka. Ini merupakan asas yang begitu bernilai ketika membicarakan sesebuah kediaman kaum Mendailing.

Ia juga meliputi tatasusun perancangan sesuatu komuniti perkampungan Mendailing. Hubungan ciri-cirinya dengan faktor penempatan juga akan disentuh.

Selain itu juga kajian ini akan membentangkan perbezaan serta persamaan suku kaum Mendailing di Perak dan di Sumatera. Tidak ketinggalan juga suku-suku lain di Perak terutama sekali orang 'Perak Jati'.

Disamping itu juga kajian ini akan menekankan atau menceritakan aspek kebudayaan orang Mendailing yang berhubung rapat dengan ciri-ciri senibenanya, ini termasuklah pantang larang serta adat istiadat yang masih dipegang teguh oleh suku kaum ini.

1.4. Metadologi Kajian

Kajian akan dijalankan dalam 2 bahagian dan ini dilakukan setelah enam peringkat dibawah dijalankan.

- a) Menentukan objektif, peranan dan masyarakat yang dinamakan sebagai suku kaum Mendailing di Perak Selatan terutama dibandar Chikus.
- b) Lawatan keKawasan kerja, mengkaji permasalahan.
- c) Aspek perancangan, senibena dan sosio budaya.
- d) Kajian terperinci.
- e) Kesimpulan.
- f) Langkah-langkah yang perlu diambil.

Bahagian 1

- i) Menentukan objektif, peranan dan matlamat yang dimainkan oleh suku kaum Mendaling di Perak.

Sebab-sebab kedatangannya, pengaruh penempatan dan perkampangan. Terutama dengan jabatan-jabatan yang bersangkutan dan juga dari bahan bacaan.
- ii) Lawatan, mengkaji kawasan dari aspek perancangan perkampangan, senibina dan sosio budaya juga masalah perancangan.
- iii) Kajian terperinci
Konsep dan falsafah,
Masalah perkampangan, perancangan dalam unit kediaman, pembinaan unit-unit dan adat istiadat.
- iv) Kajian perbandingan
Perancangan perkampangan, unit-unit kediaman, adat istiadat.

Bahan rujukan dan sebagainya.

Bahagian 2

- v) Kesimpulan, rumusan dan sebagainya.
- vi) Langkah-langkah yang perlu diatasi.

Bab 2

KAUM MENDAILING SECARA AM

2.1. Asal usul Mendailing

Sumatera merupakan pulau yang terbesar diantara Kepulauan Sunda. Pulau ini meliputi kawasan seluas 180,380 batu persegi. Ia dipisahkan dari Tanah Melayu oleh Selat Melaka, manakala disebelah selatan pula ia dipisahkan dari Pulau Jawa oleh Selat Sunda.

Diantara kawasan-kawasan penempatan asli yang terdapat di Sumatera adalah Aceh, Tapanuli, Pantai Barat Sumatera, Bengkulu, Lampung, Palembang, Djambi, Pantai Timur Sumatera dan Kepulauan Riau.

Kebanyakan dari kawasan-kawasan ini telah diterokai oleh orang-orang asli Sumatera yang terdiri dari orang-orang Batak, Mynangkabau, Nias, Engano, Aceh, Gago, Alas, Lampung serta orang-orang kepulauan Mentawai.

Footnote :

- ° Edwin M. Loeb 'Sumatera - It's History of People' - 18.

Orang-orang Batak merupakan suku kaum asli yang menghuni sebilangan kepulauan Sumatera, Indonesia. Kawasan kediaman orang Batak ini telah diterokai oleh seorang ahli sejarah yang bernama Anderson dalam tahun 1823. Terdapat 1,000,000 orang Batak di Sumatera dan difahamkan bahawa 350,000 daripadanya adalah beragama Islam, 80,000 Kristian yang lain adalah tiada apa-apa ugama atau kepercayaan.

Keturunan Batak dibahagikan kepada suku kaum :

- i) Singkel.
- ii) Pak-pak.
- iii) Dain.
- iv) Toba.
- v) Mendailing.

Kaum Mendailing terdapat banyak dikawasan Tapanulu dan Padang Lawas.

Footnote :

- ° Edwin M Loeb ' Patrilineal dan Manilineal Organisation in Sumatera'.

Orang Mendailing ini dikatakan mempunyai kebudayaan
serta sistem penulisan dan bahasanya yang tersendiri.

Kaum ini terkenal dengan amalan telek-telek ilmu ghaib,
dipengaruhi oleh ketamadunan Hindu.

Fahaman Hindu - sistem penulisan, adat istiadat perkataan,
kepercayaan agama banyak dipraktikkan Adat istiadat dalam
upacara perkahwinan serta pembinaan rumah juga ditiru
dari kebudayaan Hindu.

'Marga' - Hindu Sanskrit - 'suku kaum'.

Footnote :

* Edwin - ms 21, ' It's History and People '.

2.2. Penempatan kaum Mendailing di Nusantara

Jika dikaji, carta sejarah kaum ini amat menarik. Mereka ini bermastautin sejak beratus-ratus tahun lampau. Carta Orang-orang besar Mendailing tersebar luas. Mereka ini memainkan peranan yang penting dalam pergolakan siasah di Pahang, Selangor dan Perak.

Nama-nama seperti Sultan Puasa, Raja Asal, Raja Berayu dan Datok Imam Perang Jabangun - pahlawan bagi suku kaum Melayu Mendailing yang berada di Perak Selatan.

Mendahiling (Mendailing) - mungkin bangsa Melayu Rawa, Minangkabau, Jawa, Aceh, Kerinci Melayu Datton dan lain-lain lagi.

- Orang-orang Mendailing di Malaysia - daerah :
Mendailing yang terletak di Pulau Sumatera.

Masa zaman penjajah Barat, kawasan Mendailing adalah sebuah negeri yang beraja seperti Aceh, Minangkabau, Siak dan Kampar.

Masa ini, provinsi Sumatera Utara, Batak Karo, Pak-pak, Simaluyun, Toba dan Angkola dan Mendailing Selatan.

- sempadan Sumatera Barat didiami oleh Minangkabau yang terkenal dengan adat resam tradisional yang masih wujud hingga kini.

Penempatan orang Mendailing seperti di Perak Selatan, Chikus, Sg. Cireh, Langat, Kuantan, N. Sembilan, Johor dan Pahang.

Menurut faktor-faktor sejarah bahawa raja didaerah Mendailing telah tiada lagi.

Dari sumber sejarah yang diperolehi, mengikut salasiah (tambo) raja-raja Mendailing telah wujud sebelum adanya kerajaan Melaka yang diasaskan oleh Parameswara atau Sultan Iskandar Shah.

(lihat ilustrasi 1 & 2 pada m.s. 55, 56

2.3. Penhijrahan kaum Mendailing ke Tanah Melayu

Adalah difahamkan bahawa masyarakat Mendailing yang tinggal di Perak Selatan ini memainkan peranan yang penting dalam beberapa pergolakan siasah yang berlaku sejak 100 tahun lampau.

Dipercayai didalam perang yang berlaku dinegeri Pahang, Johor dan juga Perak.

Masyarakat Mendailing ini mendiami beberapa tempat di Semenanjung Malaysia terutama di negeri Pahang, Selangor dan Perak pada pertengahan abad ke 19.

Masyarakat Mendailing dianggap sebagai masyarakat yang unik sekali sistem kehidupan mereka jika dibandingkan dengan sistem kehidupan dari lain-lain suku mereka. Mereka ini diketahui tersangat kuat dalam kehidupan beragama.

Kebanyakan orang-orang Batak di Tanah Mendailing beragama Kristian. Adalah diketahui bahawa pada awal kurun ke 19, orang Belanda menawan orang Batak yang berhampiran dengan daerah Mendailing, Alas, Karo, Pak-pak, Simalungun, Toba dan Angkolan.

Didaerah Mendailing terdapat ramai orang-orang Batak dan ini menyebabkan terjadi banyak perselisihan faham diantara orang Mendailing. Oleh itu berlakulah penghijrahan ke tempat yang lebih aman dan damai.

Faktor kedua penghijrahan mereka adalah kerana mereka mengikut ketua-ketua kaum mereka melakukan perebutan kuasa. Ini menyebabkan raja-raja terpaksa berundur diri ke Riau, Lungkalán, Palembang, Aceh hingga ke Tanah Melayu.

Footnote :

* Marsdey - 'The History of Sumatera'

'Raja Asal' yang mula mendiami Semenanjung.

Selepas itu diPahang, kemudian ke Kelang dalam tahun 1850, setelah peperangan ke Perak kemudian bermulalah di Perak.

2.4. Pengaruh, Peranan dan Matlamat suku kaum Mendailing

Pengaruh kaum Mendailing begitu berleluasa disekitar Tanah Melayu dalam kurun ke 18 dan 19. Ini bermakna ia juga memainkan peranan yang penting yang bertempat di Tanah Melayu.

1866, Raja Mahdi dan Raja Abdullah di Lembah Kinta telah berselisih faham. Perselisihan ini berlaku kerana Raja Mahdi telah membayar cukai candu sebanyak \$100 kepada pemungut cukai Raja Abdullah. Ini menyebabkan dendam timbul dihati Raja Abdullah.

Raja Abdullah adalah orang Bugis di Selangor. Manakala Raja Mahdi merupakan orang Mendailing dan merupakan pengikut setia Raja Asal.

Pada mulanya Raja Asal dan penuntut-pengikutnya dari Kuala Lumpur, Ampang, Cheras, Gombak, Ulu Langat dan Selangor tidak mahu melibatkan diri. Pada akhirnya Raja Mahdi menang dan kuasa orang-orang Mendailing juga direbut.

Setelah itu timbulah pula seorang suku kerabat Raja Kelang yang bernama Tengku Kudin. Yap Ah Loy bersama Tengku Kudin dengan dibantu oleh pelombong-pelombong bertemu saudagar Sultan Puasa. Beliau adalah seorang Mendailing yang datang sewaktu Raja Asal berada di Pahang lagi, iaitu sebelum Raja Asal pulang ke Kuala Lumpur. Mereka ini membantu Yap Ah Loy melakukan perang saudara di Ampang dan Ulu Kelang.

Kemudian dalam tahun 1871 bertelingkah dengan Raja Asal yang berpunca dari bijih timah.

Bedasarkan dari 'The History of Sumatera', Raja Asal melakukan pembunuhan dengan Yap Ah Loy yang dibantu oleh Sultan Fuasa.

"Semasa berlaku perang, hampir keseluruhan tempat penting dikuasai Kuala Lumpur, Kelang dan sekutu Raja Mahdi dan Raja Asal, suku orang Mendailing".

1873, berlaku semula peperangan diantara Yap Ah Loy dan beroleh kemenangan.

Raja Asal kemudiannya dikepong dan akhirnya mati kelaparan. Ramai diantara orang-orang Mendailing lari ikut jalan belakang dan ada diantaranya yang menyerah diri.

1873 berlakukan pembunuhan beramai-ramai terhadap orang Mendailing.

Dari situ Mendailing dan Rawa tinggalkan Selangor.

Kebanyakan mereka ini melarikan diri ke Selatan Perak, Chekor, Teluk Intan, Batu Gajah, Tj. Udin, Papandan Johor. Terdapat yang menetap tinggal di Layet, Gelang, Sg. Chirus, Kajang dan Sg. Choh.

Raja Asal diterima dengan baik oleh kerabat diraja Perak, Raja Idris Al-Marhum Tera. Raja Asal kemudiannya telah membantu Raja Aceh mencari pembunuh Birch. Raja Asal adalah Datok Maharajalela. Disebabkan itu beliau menjadi penghulu pertama berkuasa di Mukim Belanya, Perak dan dari situ beliau mula menetap di Perak.

Bab 3

CIRI-CIRI PENEMPATAN KAUM MENDAILING SECARA AM

3.1. Latar belakang dan Konsep kewujudannya

Tuan Haji Abdul Perak - 'Raja Bilah'. Beliau adalah keturunan dari raja Mendailing ke 12. Beliau pernah memerintah Tanpau Utara, Sumatera, di Indonesia. Beliau telah pergi dari situ kerana perebutan kuasa di Istana Mendailing. Beliau lari dengan sebuah perahu bersama dua orang adiknya dan menetap di Perak Selatan menjadi penghulu.

Jalil Miran, Raja Bilah didalam Ruang di Papan Warisan, hal (14).

Di Tanah Melayu iaitu di Raub, Pahang terdapat emas. Disini pula terdapat perebutan diantara Wan Muhamad dan Wan Mutahir, yang akhirnya berlaku perang saudara.

1873, Raja Bilah telah lari ke Perak dan menetap di Changkat Piatu, Pengkalan Peguh dan kemudiannya lari ke Mukim Papan untuk mencari bijih timah.

Raja di Teja, Raja Bilah dihantar sebagai penghulu dan masyarakat Mendailing amat hormat kepada mereka di Papan terutamanya tentang hak tanah jika bertengkar dengan orang China.

3.2. Aspek Perancangan, Sosial dan Komuniti

Di Tanah Besar Mendailing, kebanyakan Mendailing berada di dalam keadaan sejajar, masyarakat ini gemar adakan perhimpunan yang tidak formal dikalangan sesama mereka. Ini adalah berasas kerana mereka mempunyai halaman yang luas. Disamping itu halaman yang tersendiri dan mempunyai 'spatial relationship' yang erat diantara rumah.

Gabungan diantara setiap unit kediaman serta perhubungan dalam ciri-ciri ketinggian lantai, tingkap dan sebagainya adalah merupakan komposisi yang teguh dan harmoni.

(lihat illus. 3). m.s. 57

Ruang rumah kediaman, ruang bawah yang luas, sesuai untuk tempat melayan tetamu. Disamping itu orang-orang Mendailing amat menitik beratkan sosio dan budaya.

3.3. Ciri-ciri senibena Mendailing secara am

Didalam mempersoalkan tentang ciri-ciri senibena Mendailing haruslah terlebih dahulu dimaklumkan bahawa senibena mereka ini banyak dipengaruhi oleh senibena Minangkabau dan Aceh.

Bahkan bukan sahaja dari aspek senibena, malah apa yang ketara adalah adat istiadat serta pantang larang ketika mendirikan rumah merupakan hasil dari golongan kedua-dua suku kaum tersebut diatas.

Konsep atau falsafah senibena dalam masyarakat Mendailing ini berdasarkan beberapa aspek.

Diantaranya termasuklah :

- Ketaatan beragama dalam menentukan ruang-ruang pemisah antara lelaki dan perempuan. Ini lebih dipraktikkan dikalangan mereka yang beragama Islam, khasnya masyarakat Mendailing di Semenanjung Malaysia dan juga di daerah Tanpanuli, Sumatera.
- Ada diantara mereka yang tidak menganut sebarang agama, dimana rumah mereka ini mempunyai ukiran-ukiran berbentuk binatang. Ukiran-ukiran ini boleh didapati di daerah perkampungan Batak Mendailing di daerah pedalaman Sumatera. Ukiran pada rumah dimana, penghuninya yang menganut agama islam pula lebih banyak berbentuk bunga serta dedaun.